

Matlamat Perdana Menteri Malaysia negara maju pada 2020

BH 17 MAR 1991

Oleh SALBIAH ANI

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia sudah menetapkan matlamat untuk muncul sebagai sebuah 'negara maju' pada tahun 2020 dan tindakan susulan akan diambil dalam usaha menjadikannya suatu kenyataan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata 'negara maju' yang dimaksudkan itu bukanlah dalam konteks ekonomi saja tetapi meliputi politik, sosiologi dan kebudayaan.

"Negara maju menjadi matlamat Malaysia bukanlah seperti United Kingdom, Amerika Syarikat mahupun Belanda sebaliknya sebuah negara maju ala Malaysia," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Perdagangan Malaysia (MPM) di sini, hari ini, yang diadakan secara tertutup.

Matlamat itu adalah antara kan-

dungan kertas kerja Perdana Menteri yang bertajuk *Peluang Bagi Malaysia Untuk Maju Ke Depan*, dibincangkan pada mesyuarat itu.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beberapa perubahan yang di kenal pasti perlu dilakukan terhadap Malaysia termasuk menjadikannya sebuah negara bersatu, turut dibincangkan pada mesyuarat itu.

Beliau berkata kertas kerjanya itu turut menyentuh kadar pertumbuhan ekonomi yang perlu dicapai oleh negara ini dan cara terbaik meningkatkan lagi kerjasama antara sektor swasta dan sektor awam pada masa depan.

"Tumpuan juga diberikan dalam beberapa bidang yang difikirkan boleh membantu kerajaan mencapai matlamat menjadikan Malaysia maju," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sektor awam mahupun sektor swasta yang

mengemukakan pendapat masing-masing dalam mesyuarat berkenaan tidak terikat dalam melaksanakan idea yang dikemukakan oleh beliau.

"Jika pendapat yang dikemukakan oleh mereka didapati sesuai untuk dilaksanakan, kerajaan akan menimbangkannya dan serentak itu sektor swasta bebas membuat teguran berhubung dasar dalam mesyuarat berkenaan," katanya.

Beliau berkata MPM yang dibentuk oleh kerajaan bagi membaiki hubungan dan kerjasama di antara sektor awam dan sektor swasta adalah sebahagian daripada konsep Persyarikatan Malaysia.

"Majlis ini membuka peluang kepada pihak atasan dalam pelbagai bidang untuk bertemu, berbincang dan bertukar pandangan mengenai segala isu yang boleh membawa kemajuan kepada Malaysia dan dapat membantu kerajaan bertindak dengan lebih berkesan," katanya.